

22/02/1998

Nasihat Dr M bukan larangan bertanding

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR: Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata nasihat Presiden supaya mengelakkan pertandingan dalam mesyuarat bahagian bermula bulan depan, tidak bermakna ahli tidak boleh bertanding.

Beliau berkata, terserah kepada pihak terbabit untuk membuat keputusan muktamad kerana apa yang disarankan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hanya nasihat, bukannya arahan.

Sabbaruddin berkata demikian apabila ditanya mengenai kemungkinan ahli yang menerima banyak pencalonan tetapi tidak dapat bertanding kerana diminta mematuhi nasihat Presiden dan Ketua Perhubungan negeri.

"Pertama saya ingin bertanya siapa yang tidak benarkan pertandingan? Terpulanglah kepada mereka," katanya selepas melancarkan Projek Penyelidikan Bahan Sejarah Rakyat Malaysia Berketurunan Cina di sini, semalam.

Mengenai kenyataan Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, bahawa mana-mana ahli termasuk 10 Ketua Pemuda Umno bahagian yang terpaksa melepaskan jawatan kerana melebihi umur 40 tahun, hanya boleh bertanding jawatan timbalan ketua dan naib ketua, Sabbaruddin berkata:

"Saya tidak tahu keadaan mana yang dimaksudkan. Tetapi kalau arahan Perdana Menteri ia bukan arahan, ia cuma nasihat ... nasihat yang patut kita ikut.

"Begitu juga saya kira kalau Ketua Perhubungan Selangor beri nasihat, apa salahnya ikut kalau benda itu baik."

Sabbaruddin berkata, beliau juga belum menerima sebarang aduan mengenai politik wang atau laporan membabitkan dakwaan bahawa ada pihak tertentu di Selangor menawarkan RM10,000 kepada mana-mana ahli termasuk ketua Umno cawangan yang bersedia mencabar Abu Hassan bagi jawatan Ketua Umno bahagian Kuala Selangor.

Sabbaruddin berkata, beliau juga belum menerima sebarang aduan mengenai ahli membuat majlis rumah terbuka selepas tempoh ditetapkan.

"Mungkin ada tetapi di peringkat lebih rendah seperti Felda dan kita tidak boleh berbuat apa-apa mengenainya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya belum menerima aduan membabitkan ahli membuat kenyataan akhbar mengenai masalah dalaman parti, sejak larangan mengenainya diumumkan Timbalan Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Rabu lalu.

(END)